

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2021**

**PROGRAM KHAS BERKENAAN HAD HARGA JUALAN DAN
PEROLEHAN HARTANAH BAGI WARGANEGARA ASING DI
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai lanjutan kepada Program Khas Berkenaan Had Harga Jualan Dan Perolehan Hartanah Bagi Warganegara Asing Di Negeri Selangor yang telah dicadangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 37/2020 bertarikh 21 Oktober 2020 yang telah disahkan oleh MMKN ke 38/2020 pada 28 Oktober 2020.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2014 berkenaan dengan Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing/Penduduk Tetap/Syarikat Asing di Negeri Selangor, antara lain telah menetapkan paras harga minima RM2,000,000.00 bagi harta tanah di daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Klang, Kuala Selangor dan Kuala Langat manakala RM1,000,000.00 bagi daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Paras harga minima ini hanya digunakan bagi bangunan kediaman jenis strata dan “*landed strata*” sahaja.

- 2.2 Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui MMKN ke 36/2019 bertarikh 31 Disember 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 1/2020 pada 8 Januari 2020 telah meluluskan dasar baru bagi perolehan harta tanah oleh Warganegara Asing iaitu Program Khas Berkenaan Had Jualan dan Perolehan Hartanah bagi Warganegara Asing Di Negeri Selangor.
- 2.3 Lanjutan itu, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 2/2020 berkenaan dengan Program Khas Berkenaan Had Harga Jualan Dan Perolehan Hartanah Bagi Warganegara Asing Di Negeri Selangor dengan pindaan bagi kuota dan had harga jualan harta tanah jenis "*landed*" dan strata yang telah tamat tempoh pada 31 Disember 2020.
- 2.4 Kesan terhadap ekonomi sosial akibat penularan pandemik Covid-19, Pentadbiran ini telah menerima cadangan mengenai penurunan harga jualan dan perolehan harta tanah bagi warganegara asing. Oleh yang demikian, cadangan tersebut telah diangkat dan telah disahkan oleh MMKN ke 37/2020 bertarikh 21 Oktober 2020. MMKN bersetuju agar Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) berbincang dan menyediakan pekeliling baharu bagi menggantikan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 2/2020 berkenaan dengan penurunan had harga jualan dan perolehan bagi warganegara asing kepada RM 1,000,000.00 dan ke atas yang tidak terjual untuk kuota

bumiputera dibuka kepada bukan bumiputera terlebih dahulu sebelum dibuka kepada pemilikan warganegara asing .

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Kuota Jualan

Kenaikan kuota bagi warganegara asing adalah 20 peratus daripada kuota/unit bukan bumiputera bagi keseluruhan kelulusan pembangunan.

3.2 Jenis Hartanah

Pelaksanaan kaedah ini hanya terpakai bagi jenis harta tanah berikut:

- i. tertakluk kepada harta tanah kediaman berstatus **hakmilik pajakan sahaja**; permohonan penyerahan balik di bawah peruntukan Seksyen 197 Kanun Tanah Negara, 1965 dan pemberimilikan semula di bawah peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, 1965 diperlukan untuk pengenaan tempoh pajakan 60 tahun dengan sekatan kepentingan daripada PBN;
- ii. pengenaan tempoh pajakan selama 60 tahun dengan sekatan kepentingan oleh PBN yang juga dikenakan kepada tanah berstatus hakmilik kekal (selamanya) dengan permohonan penyerahan balik di bawah Seksyen 197 dan pemberimilikan semula di bawah Seksyen 76;

- iii. penurunan paras harga minima daripada **RM1,500,000.00 kepada RM1,000,000.00** bagi harta tanah jenis strata termasuk “*landed strata*” dan terguna/pakai di seluruh Negeri Selangor;
- iv. penetapan paras harga minima bagi harta tanah jenis “*landed*” adalah bernilai RM2,000,000.00. Hartanah ini adalah terhad kepada **unit banglo dan rumah teres berkembar sahaja**; dan
- v. unit-unit strata dan “*landed strata*” yang terlibat adalah unit-unit yang tidak terjual dan telah mendapat kelulusan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sehingga tahun 2020 sahaja.


3.3 Pelepasan Kuota Bukan Bumiputera

Setiap unit bagi pelepasan kuota bumiputera perlu mendapat pengesahan dan membuat pembayaran kepada LPHS mengikut kadar yang ditetapkan.

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 4.1 Tempoh pelaksanaan lanjutan Program Khas Berkenaan Had Jualan dan Perolehan Hartanah bagi Warganegara Asing Di Negeri Selangor pelaksanaan berkuat kuasa **bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022**.

4.2 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2014 **masih berkuat kuasa** dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2020 adalah **terbatal**.


(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tarikh: 23 Mac 2021